

Teruskan pewujudan UMS Keningau

► Kampus telah dirancang rakyat lebih 10 tahun lalu

Oleh JOHAN AZIZ

KENINGAU: Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Haji Sairin Karno meminta kerajaan agar meneruskan pemuliharaan kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS) di daerah ini.

Katanya, kampus ini telah dirancang oleh rakyat di kawasan ini lebih 10 tahun lalu, namun ianya belum menjadi kenyataan.

"Sepatutnya projek ini telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK10), namun rakyat di kawasan pedalaman masih lagi menanti pemuliharaan kampus ini," katanya kepada Utusan Borneo selepas menyaksikan Ibadah Korban di Kampung Purakagis, di sini pada Rabu.

Sairin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Liawan berkata, sebagai pemimpin di kawasan ini termasuk pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN) di kawasan pedalaman memang sangat mengharapkan agar UMS diwujudkan di



PAPAN tanda projek UMS yang terpacak di tepi jalan kawasan Apin-Apin, Keningau.

daerah ini.

Katanya, tapak seluas 80 ekar sudahpun disediakan di kawasan Apin-Apin sementera papan tanda projek UMS itu juga sudah terpacak di tepi jalan sepanjang jalan Apin-Apin.

"Selepas itu mantan Naib Canselor UMS Datuk Seri Panglima Dr Kamarulzaman Haji Ampon juga telah dimaklumkan mengenai kampus ini ketika melawat Kampung Bayangan suatu masa dahulu," katanya.

Menurut beliau, perkara ini pernah disuarakan kepada mantan Naib Canselor UMS Datuk Dr Mohd Noh Dalimin ketika beliau melakukan lawatan ke Kampung Bayangan

sepuluh tahun yang lalu.

Malah katanya, Mohd Noh juga ada melawat sendiri tapak kampus itu di kawasan Apin-Apin.

"Selepas itu mantan Naib Canselor UMS Datuk Seri Panglima Dr Kamarulzaman Haji Ampon juga telah dimaklumkan mengenai kampus ini ketika melawat Kampung Bayangan suatu masa dahulu," katanya.

Sairin berkata, pada setiap

majlis-majlis perjumpaan dengan rakyat di kampung-kampung perkara mengenai kampus ini sering diwawarkan olehnya termasuk Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Pembangunan Infrastruktur, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan.

"Saya memohon agar kerajaan dapat memberikan pertimbangan berhubung dengan pemuliharaan kampus ini di Keningau selain kampus Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Sook dan Kolej Kejururawatan di kawasan Apin-Apin.

"Rakyat di daerah ini termasuk dari kawasan pedalaman juga amat mengharapkan agar kampus UMS ini dapat diwujudkan di daerah ini dalam usaha menjadikan kawasan pedalaman sebagai hub pendidikan selaras dengan Koridor Pembangunan Sabah (SDC) yang menjadi halatuju kepada kerajaan BN," katanya.

Pada masa sama katanya, dengan wujudnya kampus ini, sudah tentu memberikan kemudahan kepada anak-anak dari kawasan ini



SAIRIN (berdiri belakang bersongkok) sedang menyaksikan upacara ibadah korban di Kampung Purakagis Keningau.

melanjutkan pelajaran mereka tanpa mengeluarkan kos perbelanjaan yang banyak.

Sairin berharap agar kerajaan

dapat memasukkan projek UMS ini dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi memastikan kawasan

pedalaman yang dijadikan sebagai salah satu hub pendidikan juga mempunyai sebuah universiti.